

Bubur Lambuk SELIA..

Pada 14 Ogos 2012, bersempena dengan sambutan bulan Ramadhan yang mulia, SELIA Group dengan kerjasama bersama SSS, SEGAR dan Jawatankuasa Masjid Al Alami MITC Melaka, telah berjaya mengadakan majlis edaran BUBUR LAMBUK kepada jemaah masjid yang hadir. Program telah berjalan dengan lancar dan meriah sekali.

Selepas selesai solat asar, Ketua Pegawai Eksekutif SELIA Group, Datuk Mohamed Zaini Amran telah melancarkan program tersebut dengan membuat agihan bungkusan bubur lambuk di perkarangan Masjid Al-Alami, MITC Melaka kepada semua penduduk sekitar serta warga kerja Selia Group.

bersama Masjid Al-Alami

